

## **Notis 'Data Privacy' bagi Pemohonan Proses Pengurusan di Bosch Group**

### **Kami Perlukan Anda Dalam Pasukan Kami**

Di dalam notis 'Data Privacy' ini, kami ingin memaklumkan bagaimana data peribadi anda diproses di dalam proses pengurusan pemohonan di Bosch Group. Di samping itu, kami ingin memaklumkan kepada anda mengenai hak anda di bawah undang-undang 'data privacy'. Data peribadi adalah semua data merujuk kepada seseorang yang dikenali atau dikenal pasti seperti tarikh lahir, alamat atau data invois dan data yang khusus kepada identiti seseorang.

Data peribadi yang telah anda masukkan di dalam sistem pengurusan pemohon akan diproses oleh entiti undang-undang yang berkaitan daripada syarikat kami bagi tujuan pemprosesan permohonan anda dan pengisian jawatan kosong dalam salah satu syarikat Bosch Group.

Di kumpulan Bosch, proses pengisian kekosongan melibatkan beberapa ahli jabatan HR dan jika diperlukan mana-mana ahli jabatan yang bertanggungjawab untuk proses pengambilan pekerja. Oleh kerana anggota jabatan ini mungkin tergolong dalam syarikat Bosch Group yang berbeza, data anda berkemungkinan di kongsi di dalam Bosch Group di seluruh dunia.

### **Bosch Menghormati Privasi Anda**

Kami amat prihatin dalam melindungi data peribadi anda dan memastikan keselamatan semua data perniagaan. Kami sentiasa mengambil kira perkara ini di dalam proses perniagaan kami. Data peribadi yang dikumpul semasa anda memohon secara talian adalah rahsia dan mengikut peruntukan undang-undang sama ada di Kesatuan Eropah atau di negara-negara dimana anda memohon pekerjaan.

'Data privacy' dan keselamatan maklumat merupakan sebahagian daripada dasar korporat kami walaupun tiada keperluan di dalam undang-undang tempatan.

### **Maklumat Untuk Menghubungi Pegawai 'Data Privacy'**

Entiti undang-undang Bosch Group bertanggungjawab memproses data permohonan anda.

Berikut adalah maklumat Pegawai Perlindungan Data bagi rantau ASEAN:

ASEAN Data Security Officer  
RBAS/DSO Department  
Robert Bosch (S.E.A) Pte Ltd  
11 Bishan St 21  
Singapore  
Email: [ASEAN.DPO@sg.bosch.com](mailto:ASEAN.DPO@sg.bosch.com)

Berikut adalah maklumat Pegawai Data Privacy syarikat:

Mr. Matthias Goebel  
Group Data Privacy Officer  
Information Security and Data Privacy, Robert Bosch Group (C/ISP)  
Robert Bosch GmbH  
P.O Box: 30 02 20  
70442 Stuttgart  
GERMANY  
Email: [Abteilungsbriefkasten.cisp@de.bosch.com](mailto:Abteilungsbriefkasten.cisp@de.bosch.com)

Untuk memaklumkan kejadian Data Privacy:  
<https://www.bkms-system.net/bosch-datenschutz>

## **Permohonan Jawatan yang Diiklankan Di Portal Tugas**

Cara yang paling mudah untuk memohon sebarang jawatan yang diiklankan di Bosch adalah melalui aplikasi langsung di salah satu portal pekerjaan kami. Permohonan anda akan dinilai mengikut proses dalaman.

Permohonan kertas dimasukkan secara manual dalam sistem pengurusan permohonan kami dan mungkin dikembalikan kepada anda atau dimusnahkan. Anda akan menerima e-mel yang membolehkan anda mengaktifkan aplikasi anda sebaik sahaja ia telah dimasukkan secara manual dalam sistem kami. Jika anda gagal mengaktifkan permohonan anda dalam tempoh 30 hari, data anda akan dipadamkan dari sistem pengurusan pemohon dan akan dikeluarkan dari proses pemilihan.

Anda juga mempunyai pilihan untuk menggunakan rangkaian peribadi anda dan mengemukakan permohonan melalui sekutu di Bosch Group. Kemukakan resume anda ke kenalan anda di syarikat Bosch dan ia akan dimuat naik ke sistem pengurusan pemohon. Anda akan menerima e-mel bagi mengaktifkan permohonan anda. Jika anda tidak mengaktifkan permohonan anda dalam tempoh 30 hari, data anda akan dipadamkan daripada sistem pengurusan pemohon kami dan anda akan dikeluarkan dari proses pemilihan. Kami dapat mengenal pasti kenalan anda di Bosch yang mencadangkan anda kepada jawatan yang diiklankan. Mereka hanya boleh melihat status permohonan anda sahaja tetapi tidak boleh melihat maklumat lanjut mengenai proses permohonan anda.

Maklumat terkini mengenai status permohonan anda akan dihantar melalui e-mel. Anda boleh mengedit data atau menarik balik permohonan anda pada bila-bila masa semasa proses permohonan. Untuk melakukannya, anda memerlukan profil SmartRecruiters yang boleh anda lakukan di laman web SmartRecruiters.

Semasa proses permohonan, anda akan dimaklumkan melalui e-mel mengenai sebarang kekosongan lain yang mungkin menarik kepada anda. Jika berkenaan, kami juga boleh menawarkan keahlian dalam komuniti pemohon Bosch kepada anda.

### **Keahlian di Komuniti Pemohon Bosch**

Jika anda dijemput untuk menyertai salah satu komuniti pemohon Bosch, anda boleh menerbitkan data peribadi anda kepada semua jabatan HR dari Bosch Group. Anda boleh memilih untuk menerima atau menolak jemputan ke komuniti ini. Sekiranya anda menerima, ia membolehkan kami memaklumkan anda tentang kekosongan jawatan di masa hadapan dan membuat data peribadi anda tersedia untuk kekosongan ini. Sebagai ahli, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi pengurus sumber manusia secara langsung dan akan menerima maklumat pemasaran pengambilan ahli dan jemputan ke acara kami. Profil anda di komuniti pemohon Bosch boleh dipadamkan pada bila-bila masa sahaja.

### **Kategori Data yang Diproses**

Berikut adalah kategori utama data peribadi yang diproses:

- Data induk (contoh: nama, tarikh lahir, kewarganegaraan, tempat kediaman)
- Dokumen (contoh: rujukan, sijil, resumes)
- Tuntutan untuk perbelanjaan perjalanan (contoh: butiran akaun bank)
- Data komunikasi (contoh: alamat e-mel, nombor telefon bimbit, ID pengguna IT, rakaman audio dan filem)
- Data log direkodkan semasa menggunakan sistem IT

Ini juga termasuk kategori data peribadi seperti data kesihatan.

### **Sumber Data Peribadi**

Sebagai peraturan umum, data peribadi anda dikumpul terus dari anda semasa proses permohonan. Bagi jawatan yang sangat sensitif, pemeriksaan terperinci mungkin dilakukan pada data permohonan dan latar belakang anda. Hasil pemeriksaan ini akan didokumentasikan dalam sistem pengurusan pemohon. Sekiranya pemeriksaan latar belakang diperlukan, maklumat ini akan dinyatakan dengan jelas dalam iklan pekerjaan. Pemeriksaan ini dijalankan mengikut peraturan berkanun tempatan. Hanya pembekal perkhidmatan terpilih sahaja akan digunakan untuk tujuan ini.

Bagi proses permohonan Program Junior Managers, kami mungkin memerlukan penyerahan rakaman audio dan video. Jika penyerahan sedemikian diperlukan, maklumat ini akan dinyatakan dengan jelas dalam iklan pekerjaan. Hanya pembekal perkhidmatan terpilih sahaja akan digunakan untuk tujuan ini.

### **Pemindahan Data Semasa Pengambilan**

Jika anda berjaya direkrut, data anda akan dipindahkan dari sistem pengurusan pemohon kami ke sistem pentadbiran sumber manusia, di mana ia akan disimpan sebagai data bersekutu dan diproses dengan sewajarnya.

### **Tujuan Pemprosesan dan Asas Undang-Undang**

Kami dan pembekal perkhidmatan luar yang kami lantik akan memproses data peribadi anda dengan mematuhi Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR), undang-undang privasi data negara yang berkenaan dan juga undang-undang negara lain yang berkaitan. Data anda diproses, khususnya, semasa proses pengurusan pemohon sebagai persediaan hubungan pekerjaan dengan entiti perundangan Bosch Group.

Asas perundangan utama untuk tujuan ini adalah GDPR artikel para 6. 1 (b) ("untuk mengambil langkah-langkah atas permintaan subjek data (dalam hal ini pemohon) sebelum memasuki kontrak") Asas undang-undang lain adalah:

- GRPR artikel para 6. 1(a) (Persetujuan): contoh bagi komuniti pemohon sebahagian daripada sistem pengurusan pemohon
- GDPR artikel para 6. 1 (f) (Kepentingan sah): contoh bagi penilaian sumber manusia (pengawalan, laporan analitik)

### **Kategori Khusus Data**

Kategori khusus data peribadi GDPR seperti di artikel para 9. 1 (contoh perihal data kesihatan) diproses, proses dijalankan selaras dengan GDPR Artikel para 9. 2(b). Selanjutnya, ia mungkin diperlukan untuk memproses data ini untuk menilai kemampuan anda untuk bekerja selaras dengan GDPR Artikel para 9. 2(h).

### **Pendedahan Data**

Hanya mereka yang terlibat dalam proses permohonan (contoh pengurus dan rakan jabatan rekrut, pekerja sumber manusia dan wakil pekerja mempunyai akses data peribadi anda di dalam entiti undang-undang Bosch Group yang anda pohon. Selain itu, data permohonan anda berkemungkinan dinyatakan kepada pihak lain jika anda dianggap sesuai untuk kedudukan kekosongan lain dalam Bosch Group di negara yang sama. Anda akan dimaklumkan mengenai perkara ini melalui e-mel dan persetujuan anda diperlukan untuk mengaktifkan sebarang aplikasi baru.

Kami akan mendedahkan data peribadi anda kepada pengawal data lain hanya jika perlu untuk permohonan tersebut, jika kami atau pihak ketiga mempunyai kepentingan sah, atau jika anda telah memberikan persetujuan anda. Anda akan mendapati butiran asas undang-undang di bahagian "Tujuan pemprosesan dan asas undang-undang." Entiti undang-undang lain dari Bosch Group juga boleh didefinisikan sebagai pihak ketiga. Sekiranya data didedahkan kepada pihak ketiga menurut undang-undang yang sah, kes tersebut akan dijelaskan dalam pernyataan privasi data. Di dalam sesetengah kes, kami juga menggunakan pelbagai pembekal perkhidmatan untuk memenuhi kewajiban kontrak atau badan berkanun. Senarai kontraktor dan pembekal perkhidmatan boleh didapati di bahagian "Kontraktor dan pembekal perkhidmatan (pemproses data)." Di samping itu, kami boleh mendedahkan data peribadi anda kepada penerima lain di luar Bosch Group dengan syarat ia bertujuan untuk memenuhi kewajiban kontrak atau badan berkanun.

### **Kontraktor dan Pembekal Perkhidmatan (Pemproses Data)**

Kami telah memilih pembekal perkhidmatan kami dengan teliti dan memantau mereka secara berkala, terutamanya untuk memastikan bahawa mereka mengendalikan data peribadi anda dengan teliti dan menyimpannya dengan selamat. Kami mewajibkan semua pembekal perkhidmatan kami untuk menyimpan perkara sulit dan mematuhi peraturan perundangan. Pembekal perkhidmatan dari entiti undang-undang lain Bosch Group juga boleh ditakrifkan.

Jadual berikut menunjukkan kontraktor dan pembekal perkhidmatan yang mempunyai hubungan perniagaan dengan kami:

<b>Pembekal Perkhidmatan</b>	<b>Jenis Pemprosesan</b>
SmartRecruiters GmbH Dircksenstrasse 47 10178 Berlin, Germany SmartRecruiters SP. Z o.o. Fabryczna 20, 31-553 Kraków, Poland SmartRecruiters Inc. 225 Bush Street, San Francisco, CA 94104, USA	Peruntukan dan pembangunan berterusan platform awan (perisian sebagai perkhidmatan) untuk pemprosesan yang disebut atas. Pemprosesan data peribadi diberikan.
Viasto GmbH Badstr. 20, 13357 Berlin Deutschland	Pemprosesan data peribadi daripada temu bual video / pembikinan
Signum GmbH Rungestrasse 19 10179 Berlin, Germany	Pemprosesan data peribadi bagi pemeriksaan latar belakang
Amazon Web Services Inc. 10 Terry Avenue North Seattle, WA 98109-5210, USA	Peruntukan dan operasi infrastruktur teknikal untuk platform awan (Platform sebagai perkhidmatan)
SendGrid Inc. 1801 California Street Suite 500 Denver, Colorado 80202, USA	Pemprosesan e-mail komunikasi di antara dan pemohon
Text Kernel BV Nieuwendammerkade 28A17 Amsterdam, Noord-Holland 1022 AB The Netherlands	Peruntukan, operasi dan pembangunan aplikasi parsing CV
I.K.Hofmann Projektmanagement GmbH Lina-Ammon-Str. 19 90471 Nürnberg	Pemprosesan data peribadi daripada temu bual video / proses pemilihan

### **Jangka Masa Penyimpanan; Tempoh Pengekalan**

Kami akan mengekalkan data peribadi anda selama 1 tahun untuk keperluan di atas selepas jawatan yang anda pohon sudah ditutup untuk aplikasi selanjutnya. Kami akan memadamkannya sebaik sahaja ia tidak lagi diperlukan bagi tujuan tersebut atau kami tidak lagi mempunyai kepentingan dalam penyimpanannya. Setelah selesai proses permohonan, data peribadi anda masih disimpan jika kami diwajibkan untuk menyimpan di bawah undang-undang negara. Selain itu, data peribadi anda mungkin disimpan untuk tempoh di mana tuntutan dibuat terhadap kami. Sekiranya anda seorang ahli komuniti pemohon Bosch, anda boleh memadamkan profil anda pada bila-bila masa.

### **Keselamatan Semasa Pemprosesan Data**

Kami mengambil semua langkah teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan tahap keselamatan yang tinggi dan melindungi data peribadi anda terutamanya dari risiko kerosakan, manipulasi, kehilangan, perubahan atau pendedahan yang tidak dikehendaki atau didatangi atau diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Kami sentiasa cuba untuk meningkatkan langkah-langkah keselamatan dan menggunakan teknologi yang terbaru.

### **Hak Pengguna:**

Jika anda ingin untuk menuntut hak berikut yang kami berikan kepada anda secara sukarela, sila rujuk kepada bahagian perhubungan. Semasa menghubungi kami, sila pastikan bahawa anda boleh dikenalpasti secara individu.

**Hak Akses:**

Anda berhak menerima maklumat daripada kami mengenai pemprosesan data anda. Anda boleh menuntut hak akses anda dengan mana-mana data peribadi anda yang diproses oleh kami.

**Hak untuk Pembetulan atau Pemasangan:**

Anda berhak menuntut dari kami untuk membetulkan data yang salah dan mengemas kini data yang tidak lengkap atau memasang data anda; dengan syarat bahawa keperluan badan berkanun ditepati. Ini tidak termasuk data yang diperlukan untuk tujuan penyiaran atau perakaunan atau yang tertakluk kepada tempoh penyimpanan berkanun. Sekiranya akses kepada data tersebut tidak diperlukan, pemprosesan data akan dihentikan (lihat di bawah).

**Sekatan Pemprosesan:**

Dengan memenuhi syarat-syarat berkanun, anda berhak menuntut untuk menyekat pemprosesan data anda.

**Bantahan Pemprosesan Data:**

Anda juga berhak untuk menolak pada bila-bila masa untuk memproses data anda. Dalam kes seperti ini, kami akan berhenti memproses data anda kecuali kami boleh membuktikan – mengikut peruntukan undang-undang - asas yang sah untuk meneruskan pemrosesannya yang melebihi kepentingan anda.

**Bantahan Kepada Pemprosesan Data Dalam Kes "Kepentingan Sah":**

Anda juga berhak untuk menolak pada bila-bila masa untuk memproses data anda, dengan syarat anda boleh menuntut hak undang-undang secara sah. Dalam kes seperti ini, kami akan berhenti memproses data anda kecuali kami boleh membuktikan – mengikut peruntukan undang-undang – asas yang sah untuk meneruskan pemrosesan yang melebihi kepentingan anda.

**Penarikan Balik Persetujuan:**

Sekiranya anda telah memberi persetujuan untuk kami memproseskan data anda, anda boleh menarik balik pada bila-bila masa untuk masa hadapan. Ini tidak akan memberi kesan kepada undang-undang pemrosesan data kami sebelum penolakan persetujuan.

**Kemudahan Data:**

Anda juga berhak menerima data anda dari kami dalam bentuk berstruktur, biasa digunakan dan format mesin mudah baca dan/atau mungkin secara teknikal – bagi menuntut hak pemindahan data itu kepada pihak ketiga.

**Hak untuk Mengadu Kepada Pihak Berkuasa Privasi Data:**

Anda berhak untuk memfailkan aduan dengan pihak berkuasa privasi data. Anda boleh menghubungi sama ada pihak berkuasa privasi data yang bertanggungjawab di kawasan kediaman anda atau negara persekutuan Jerman, atau pihak berkuasa privasi data yang bertanggungjawab untuk Bosch Group.

Pihak berkuasa privasi data yang bertanggungjawab untuk Bosch Group adalah:

Der Landesbeauftragte für den Datenschutz und die Informationsfreiheit

Alamat Pejabat:

Königstrasse 10a

70173 Stuttgart, Germany

Postal address:

P.O. Box 10 29 32

70025 Stuttgart

GERMANY

Phone: +49 (0)711/615541-0

Fax: +49 (0)711/615541-15

E-mail: [poststelle@fdi.bwl.de](mailto:poststelle@fdi.bwl.de)